

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

**PINDAAN KADAR PENGENAAN FI KOMITMEN KE ATAS SYARIKAT BERSTATUS
“DORMANT” BAGI MANA-MANA PERMOHONAN TENEMEN MINERAL**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-25/2020 yang bersidang pada 2 Disember 2020 melalui Kertas Bil. 25/2020/D15(153) telah membuat keputusan sebagaimana berikut :-

- i. Kadar fi komitmen yang dikenakan bagi mana-mana syarikat/pemohon yang berstatus “Dormant” adalah sebanyak RM 20,000.00 bagi permohonan lesen mencarigali/penjelajahan dan RM 50,000.00 bagi permohonan pajakan melombong atau lesen melombong tuan punya;
 - ii. Syarat di atas juga tertakluk kepada mana-mana syarikat yang mengadakan usahasama dengan mana-mana syarikat GLC milik Kerajaan Negeri atau mana-mana tuan punya tanah berdaftar bagi sebarang permohonan tenemen mineral.
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Bilangan 6 Tahun 2020, manakala Perkara ii di dalam pekeliling tersebut adalah dengan ini dipinda.
 3. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa dengan serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan pemakaian pekeliling ini.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL *D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN